

[Home](#) / [2025](#) / [October](#) /

UiTM Pulau Pinang Perkasa Komuniti Pendidikan Khas Melalui Latihan Pembuatan Produk Hiliran Berasaskan Cendawan

SINERGI

31/10/2025 / IR TS NORMARIAH CHE MAIDEEN



PULAU PINANG, 10 September 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang menerusi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah berjaya melaksanakan Program Latihan Pembuatan Produk Hiliran berasaskan cendawan bersama 23 peserta terdiri daripada guru dan murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Kebangsaan (SK) Mak Mandin. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif *Program Pendayaan Komuniti@UniMADANI* yang bertujuan memperkasa komuniti melalui pemindahan ilmu dan teknologi.

Latihan yang berlangsung pada 10 September 2025 di SK Mak Mandin ini merupakan kesinambungan kepada sesi terdahulu yang diadakan pada Julai 2025, yang memfokuskan kepada pengurusan ladang dan penggunaan teknologi *iMistroom 2.0*. Dalam modul terkini, peserta didedahkan kepada proses penghasilan produk hiliran seperti cendawan goreng dan cendawan rangup menggunakan hasil tuaian

segar daripada rumah cendawan yang dibangunkan sebelum ini.



Latihan dijalankan secara praktikal dengan bimbingan tenaga pengajar dari FKM UiTM Pulau Pinang. Menurut Ketua Projek, Prof. Madya Ir. Dr. Koay Mei Hyie, program ini bukan sahaja memperkenalkan teknologi moden dalam penghasilan produk makanan, malah memberi impak sosial yang besar kepada pelajar berkeperluan khas.

“Kelebihan latihan ini bukan sahaja terletak pada pendedahan teknikal dalam pembuatan produk hiliran, tetapi juga pada penerapan nilai dan kemahiran penting bagi pelajar berkeperluan khas seperti kemahiran berdikari, kerjasama, komunikasi dan keyakinan diri. Pendekatan ini membantu mereka mengembangkan potensi diri secara menyeluruh, seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI,” ujar beliau.

Program ini turut mendapat sokongan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui dana *Komuniti@UniMADANI*, selaras dengan usaha kerajaan memperkukuh kerjasama antara institusi pendidikan tinggi dan komuniti setempat.

Kejayaan penganjuran ini menjadi pemangkin kepada UiTM Cawangan Pulau Pinang untuk memperluas pelaksanaan projek *iMistroom* serta pembangunan produk hiliran ke lebih banyak komuniti sasaran pada masa hadapan. Usaha ini sekali gus memperkukuh peranan UiTM sebagai peneraju dalam pemindahan ilmu dan teknologi, serta menyokong pembangunan inklusif dan mampan dalam kalangan masyarakat.

Penyunting: Nur Hafizah Habideen



Tags: [Fakulti Kejuruteraan Mekanikal \(FKM\)](#),
[Program Pendidikan Khas Integrasi \(PPKI\) Sekolah Kebangsaan \(SK\) Mak Mandin](#),
[UiTM Cawangan Pulau Pinang](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

☐ East Meets West Techbridge 2025:
UiTM Pahang dan HKU Tingkatkan
Kolaborasi Akademik Rentas
Sempadan

Program Riadah dan Kesihatan “Fit &
Fabulous” ☐

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

[Universiti Teknologi MARA
\(UiTM\)](#)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

